

S.P.P UPSI Bilangan 6 Tahun 2016
(Surat Pemberitahuan Persatuan/Kelab/Badan Pelajar)

Tarikh: 1 Disember 2016

Semua Persatuan/Kelab/Badan Pelajar

Tuan,

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR
KALI KE-81 BILANGAN 6/2016**

Perkara: Tempoh Penghantaran Kertas Kerja Aktiviti Pelajar

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Aktiviti Pelajar (JKPAP) Kali Ke-81 Bilangan 6/2016 pada 1 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Dalam usaha memastikan aktiviti pelajar diurus dengan tersusun dan memberi ruang masa untuk merancang dan melaksanakan aktiviti, JKPAP telah bersetuju agar tempoh penghantaran kertas kerja aktiviti pelajar secara atas talian dibuat seperti berikut **berkuatkuasa Sesi Februari 2017** dan seterusnya:

Bil	Sesi	Tempoh Penghantaran	Kertas Kerja bagi Aktiviti
1.	MyPaperwork Sesi Februari	1 Februari - 30 April	Bulan Ogos, September, Oktober, November, Disember, Januari
2.	MyPaperwork Sesi September	1 September -30 November	Bulan Februari, Mac, April, Mei, Jun, Julai

Mana-mana kertas kerja yang diterima selepas tarikh akhir berkenaan akan dibawa ke sesi seterusnya.

Bagi tujuan peralihan dan penyesuaian pekeliling ini, Persatuan/Kelab/Badan Pelajar yang masih belum mengemukakan kertas kerja bagi program pada bulan Februari-Julai 2017 adalah diminta mengemukakan permohonan bermula 1 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017.

Sehubungan itu, semua Persatuan/Kelab/Badan Pelajar diminta mengambil tindakan berdasarkan keputusan ini.

Sekian.

Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

** dokumen ini merupakan cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan*